

RASUAH MELEBIHI RM20K

Kakitangan kerajaan ditahan empat hari

Johor Bahru: Seorang pembantu pegawai sebuah jabatan kerajaan ditahan reman selama empat hari mulai semalam bagi membantu siasatan berkaitan kes meminta dan menerima rasuah melebihi RM20,000.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Melody Woon Sze Mun selepas menerima permohonan daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Johor.

Terdahulu media melaporkan SPRM Johor dilaporkan menahan suspek berusia 32 tahun itu tengah hari

kelmarin ketika hadir memberi keterangan di Pejabat SPRM Johor.

Difahamkan, pada 2020 hingga tahun lalu, lelaki berkenaan sebelum ini bertugas sebagai pegawai tadbir di sebuah jabatan meminta dan menerima rasuah daripada dua perunding projek.

Difahamkan ia sebagai balasan membantu membocorkan maklumat berkaitan projek yang hendak dipohon oleh kedua-dua individu itu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.